



**ASPIRASI**
ALUMNI UiTM CAWANGAN SARAWAK

ASPIRASI ALUMNI UiTM CAWANGAN SARAWAK

EDISI KHAS
2024

@2024 UiTM Cawangan Sarawak

Hak cipta terpelihara. Karya yang disiarkan di dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada UiTM Cawangan Sarawak.

ASPIRASI ALUMNI UiTM CAWANGAN SARAWAK

Penulis

JATI KASUMA ALI
AZLINA BUJANG
SURIANI JACK
KHAULAH ABU BAKAR
FARHANA GHAZUDDIN
SHEELA FAIZURA NIK FAUZI

Editor

AIZA JOHARI

Editor Reka Letak

SAFRINA MUHAMMAD AZMI

Diterbitkan oleh

UiTM CAWANGAN SARAWAK

e ISBN 978-967-0828-72-5



9 789670 828725

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR), UiTM CAWANGAN SARAWAK
(online)

PENAFIAN

Sebarang bentuk penulisan dan ilustrasi gambar dalam buku ini adalah semata-mata untuk tujuan maklumat. Walaupun ketepatan fakta dipenuhi semasa pengumpulan maklumat, UiTM Cawangan Sarawak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti berkenaan maklumat yang ditulis. UiTM Cawangan Sarawak juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dan / atau kehilangan dan / atau kerosakan yang diakibatkan oleh penggunaan maklumat yang didapati daripada buku ini. Sesetengah maklumat dan / atau ilustrasi gambar dalam buku ini didapati melalui carian domain awam.

ISI KANDUNGAN

Hak Cipta / Terbitan / Cetak / Penafian	i - iii
Isi Kandungan	iv- v
Aspirasi Alumni	vi - vii
Penghargaan	viii - xi
KATA PENGANTAR	
Rektor UiTM Cawangan Sarawak	01 - 02
Timbalan Rektor PJI UiTM Cawangan Sarawak	03 - 04
Ketua Penulis	05 - 08
PANTUN BUDI KASIH	09 - 10
ALUMNI 1973 - 1982	
Encik Mohd Hinri Abdullah @ Hinri George	13 - 14
ALUMNI 1983 - 1992	
Encik Abg Mohd. Shibli Bin Hj. Abg Mohd Nailie	17 - 20
Encik Abdul Malek Bin Abdullah	21 - 22
YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri	23 - 28
Encik Halim Bin Boweng	29 - 30
Profesor Dr. Abang Zainoren Bin Abang Abdurahman	31 - 34
Encik Wan Idris Bin Wan Ibrahim	35 - 36
Puan Dania Talit	37 - 40
Puan Kartini Binti Sarkawi	41 - 42
Encik Thomas Anak Paul Bilun	43 - 44

ISI KANDUNGAN

ALUMNI 1993 - 2002

Datu Dr. Rashidah Binti Bolhassan	47 - 50
Dato Sri Rohani Binti Abdul Karim	51 - 54
Encik Norizan Bin Hj Jili	55 - 56
Dr. Malvern Abdullah	57 - 60

ALUMNI 2003 - 2023

Tuan Hj Mohd Sapawi Bin Hj Jamain	63 - 66
Dato Sri Dr. Muhammad Abdullah Bin Hj Zaidel	67 - 72
Encik Christopher Danan Anak Binjie	73 - 76
Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris	77 - 80
Puan Siti Fatimah Binti Adnan	81 - 84

PENAMPILAN KHAS ALUMNI

Datuk Hj. Abdul Wahab Bin Aziz	87 - 92
Profesor Dato Dr. Haji Jamil Bin Hj Hamali	93 - 98
Tuan Haji Japri Bin Bujang Masli	99 - 102

GLOSARI	103 - 106
----------------	-----------

BIODATA PENULIS	109 - 110
------------------------	-----------



ASPIRASI  ALUMNI

ASPIRASI ALUMNI

Buku ASPIRASI ALUMNI UiTM Cawangan Sarawak merupakan buku edisi khas yang di prapelancongan sempena sambutan ke-50 tahun Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak (UiTMCS) pada tahun 2024. Penulisan tentang alumni UiTMCS ini yang pertama kali seumpamanya dibukukan adalah bagi berkongsi kisah inspirasi alumni UiTMCS bermula daripada antara kohort terawal pelajar UiTMCS di masa penubuhan ITM di Sarawak sehingga kepada kohort terkini alumni UiTMCS. Setiap tokoh individu ini telah melalui liku dan ranjau kehidupan dunia, namun semangat kental setiap tokoh ini sangat dikagumi sehingga diri mereka masing-masing berjaya memperoleh kejayaan yang dibanggakan di mata masyarakat dan negara.

Seramai 22 individu tokoh alumni UiTM ditampikan pada edisi istimewa kali ini merangkumi ikon alumni yang berasal dari Bumi Kenyalang bertujuan untuk memberi inspirasi buat anak-anak Sarawak, pelajar-pelajar UiTM serta alumni UiTM dari Sarawak khususnya.

Para pembaca akan disajikan dengan penulisan berilustrasi bagi kisah setiap individu tokoh alumni yang mengulit kenangan serta pegangan mutiara kata para tokoh alumni ini yang menjadi pemangkin kepada semangat dan keyakinan diri mereka untuk terus mengukir kejayaan. Semoga inspirasi yang terhasil daripada bacaan buku ini akan berbekas di hati setiap pelajar, alumni UiTM serta masyarakat agar setiap individu anak Malaysia akan terus berusaha meneroka peluang menjadi insan yang berjaya.

BARISAN SIDANG PENGARANG

AZLINA BUJANG . SHEELA FAIZURA NIK FAUZI . SURIANI JACK . JATI KASUMA ALI . SAFRINA MUHAMMAD AZMI . AIZA JOHARI . FARHANA GHAZUDDIN . KHAULAH ABU BAKAR



SEJAMBAK KASIH, SEUMUR INGATAN & SEKALUNG BUDI

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas rahmat yang dicurahkan kepada hamba-hambaNya ini. Berserah kepada-Nya segala takdir yang dikehendaki kepada isi alam seluruhnya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat.

Sejambak kasih buat seluruh warga alumni UiTM se-Malaysia khususnya alumni UiTM Cawangan Sarawak. Seumur ingatan buat yang menyumbang tenaga dan usaha bagi menghasilkan buku 'ASPIRASI ALUMNI UiTM Cawangan Sarawak yang julung kalinya dihasilkan bagi meraikan jubli emas 50 tahun UiTM Cawangan Sarawak.

Sekalung budi buat para alumni UiTM Cawangan Sarawak dan alumni UiTM yang sudi ditampilkan dalam edisi pertama buku ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Bahagian Penyelidikan dan Jaringan dan Industri (PJI), UiTM Cawangan Sarawak yang sentiasa memberi sokongan kepada para penulis bagi memastikan kejayaan penerbitan buku ini.

Akhir nukilan, kami mengalu-alukan penghayatan setiap pembaca buku ASPIRASI ALUMNI UiTM Cawangan Sarawak kepada perkongsian, kenangan dan juga ilmu yang dikongsikan para alumni UiTM ini sebagai inspirasi dan teladan buat semua.

Sekian.

Terima kasih.



Perutusan

- PROFESOR MADYA TS. CHM. DR.
MOHAMMAD ISA BIN
MOHAMADIN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas segala rahmat dan izin-Nya, kita dapat menerbitkan buku **ASPIRASI ALUMNI UiTM CAWANGAN SARAWAK** ini. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Profesor Dr. Abang Zainoren Abang Abdurahman selaku mantan Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), UiTM Cawangan Sarawak kerana menjadi pencetus utama dalam penghasilan buku ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi buku ini atas komitmen terbaik mereka dalam merealisasikan penghasilan buku ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga dan alumni UiTM Cawangan Sarawak atas kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan projek ini. Syabas kepada mantan Felo Tunas Usahawan yang diterajui oleh Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Jati Kasuma Ali atas usaha dalam mengeratkan jalinan yang utuh antara UiTM Cawangan Sarawak dan alumninya.

Dengan berhasilnya buku ini, masyarakat luar bukan sahaja dapat mengenali graduan hebat yang berasal dari Sarawak, malah mereka juga boleh menjadi pencetus inspirasi kepada para pelajar dalam menggapai impian dan cita-cita masing-masing. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung khususnya dalam menerbitkan buku ini.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA Ts. ChM. DR. MOHAMMAD ISA BIN MOHAMADIN
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Sarawak



Perutusan

- PROFESOR MADYA IR. DR.
JUFERI BIN IDRIS

Alhamdulillah, segala syukur ke hadrat Illahi kerana buku Aspirasi UiTM Cawangan Sarawak telah berjaya dihasilkan. Buku ini memaparkan kejayaan alumni UiTM yang berasal daripada Sarawak yang telah berjaya mengukir nama dan memberi sumbangan dalam kerjaya masing-masing, baik dalam sektor kerajaan, swasta dan perniagaan.

UiTM sentiasa menjadi wadah perjuangan pencarian ilmu buat anak bangsa Malaysia, begitu juga buat anak jati Sarawak. UiTMCS masih giat mencari ruang dan peluang berinovasi bagi memastikan kejayaan para staf dan pelajar. Sejak kewujudan UiTMCS di lokasi Batu Lintang, Semenggok, serta Semariang dan lokasi terkini di Samarahan dan Mukah, dengan keluasan keseluruhan 1740 ekar, universiti ini tetap kekal beraspirasi untuk memberikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang selesa serta perkhidmatan terbaik bagi menjana pelajar bumiputera yang berakhlak serta mampan, sesuai cogan kata UiTM iaitu “Usaha, Taqwa, Mulia”.

Harapan saya supaya buku ini menjadi pencetus rasa kasih dan menjadi inspirasi buat para alumni serta pelajar sedia ada agar mereka mempunyai semangat juang serta keyakinan yang tinggi dalam mengejar impian masing-masing demi mengharumkan agama, negara dan universiti tercinta ini.

Syabas saya ucapkan kepada semua pihak terlibat di dalam penghasilan buku ini sehingga ianya berjaya dihasilkan serta diterbitkan pada tahun ini, sempena sambutan jubli emas universiti ini.

PROFESOR MADYA Ir. DR. JUFERI BIN IDRIS
Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak



Perutusan

- PROFESOR MADYA DR.
JATI KASUMA BIN ALI

Syukur alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya yang tak terhingga dan shalawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kami dengan rendah hati ingin mempersembahkan sebuah buku yang berkonsep 'Coffee Table' ini berjudul 'Aspirasi Alumni' UiTM Cawangan Sarawak.

Aspirasi bermaksud cita-cita, matlamat, atau impian yang diinginkan oleh seseorang. Ia menjadi daya pemacu dalam mencetus motivasi kepada individu atau kumpulan bagi mencapai sesuatu yang dianggap penting atau yang diidamkan dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada kerjaya, pendidikan, kehidupan sosial dan sebagainya. Ia menjadi pemangkin dalam menggerakkan seseorang untuk berusaha lebih gigih, menetapkan matlamat yang jelas, dan bertindak dengan tekad untuk mencapai apa yang diinginkan. Justeru, pemilihan individu alumni UiTM Cawangan Sarawak dalam buku ini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kerjaya dari tokoh politik, pentadbir dan juga usahawan yang mempunyai pengalaman serta kerjaya hidup yang menarik amatlah bertepatan di mana mereka telah menjadi aspirasi kepada semua alumni dan juga bakal alumni.

Walaupun buku ini hanya menceritakan secara ringkas pengalaman dan kerjaya mereka semasa dalam pengajian dan kehidupan mereka selepas menamatkan pengajian di ITM/ UiTM Sarawak, namun sumbangan tokoh-tokoh ini boleh diteladani. Diharap agar para pembaca dapat mengambil hikmah dan pelajaran yang berharga dari setiap catatan ringkas perkongsian yang pernah dilalui oleh setiap tokoh ini. Semoga coretan buku ini menjadi sarana pembelajaran dan refleksi sehingga menjadi langkah kecil yang kita ambil dapat menjadi landasan menuju kejayaan dan kebahagiaan yang sejati.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada semua individu yang telah meluangkan waktu untuk ditemuramah dan secara langsung mengizinkan pengalaman mereka dikongsikan secara umum. Pihak pengurusan UiTM Cawangan Sarawak khususnya YBhg. Profesor Dato Dr. Haji Jamil bin Haji Hamali, mantan Rektor UiTM Cawangan Sarawak dan Profesor Dr. Abang Zainoren bin Abang Abdurahman, mantan Timbalan Rektor Pusat Jaringan Industri dan Alumni yang sekaligus menjadi tokoh dalam buku di mana kedua-duanya adalah alumni dan juga semasa proses penyediaan buku ini, mereka sudah berada di hujung kerjaya mereka di UiTM Cawangan Sarawak. Terima kasih juga atas sokongan Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTMCS yang baharu, Profesor Madya Ir. Dr. Juferi bin Idris.

Akhir kata, mohon maaf sekiranya ada kelemahan dan kekurangan dalam buku ini dan sudilah kiranya para pembaca tercinta memberikan saran dan kritik untuk penambahbaikan penerbitan siri-siri yang seterusnya nanti. Semoga menjadi pencetus semangat bagi kami untuk sentiasa belajar dan terus belajar. Akhir kata, semoga karya sederhana ini dapat memberikan manfaat, baik kepada penulis dan juga pembaca umumnya. Aamiin.

Pohon sirih pohon selasih
Tumbuh merimbun di hujung laman
Kalungan budi junjungan kasih
Menjadi kenangan sepanjang zaman

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PROFESOR MADYA DR. JATI KASUMA BIN ALI
Mantan Felo Tunas Usahawan
Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak



Pantun Budi Kasih

Semerbak aroma bunga melati,
Dipagar kuini, buah berangan;
Senandung bersama mengubat hati,
Sukacita alumni menguntai kenangan.

Diberi bonda sambal terasi,
Asam jawa, juga gelama;
Aspirasi UiTM senada inspirasi,
Usaha, takwa, mulia selama.

Jiwa melayang berteman sepi,
Dibawa bermusafir ke udik;
Cinta sayang tidak bertepi,
Kasih alumni pada pendidik.

Parang diasah buat buruan,
Gerakan berhemat laluan berliku;
Walau berpisah langkah tujuan,
Tersemat UiTM di hatiku.



ALUMNI

The background features a dark, intricate pattern of swirling lines and floral motifs. Overlaid on this are several large, semi-transparent gold geometric shapes, including triangles and diamonds, some of which are arranged to form a larger diamond shape in the center. The text is centered within this diamond.

ALUMNI
1973-1982



ENCIK
MOHD HINRI ABDULLAH @
HINRI GEORGE

"Given the opportunity, do continue one's pursuit for knowledge"



Mohd Hinri Abdullah @ Hinri George, anak Bisaya kelahiran Limbang, Sarawak telah mendapat pendidikan menengah di Sekolah St Andrew, Negara Brunei Darussalam sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang Diploma Pentadbiran Awam dalam tahun 1973. Sebagai pelajar perintis ITM Kampus Batu Lintang, Kuching, semangat beliau untuk menimba ilmu dan melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi tetap utuh hingga beliau berjaya memperolehi Diploma Lepas Ijazah dalam bidang Pemasaran di Research Institute for Management Science, Delft University of Technology, The Netherlands dalam tahun 1983. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Penolong Pengurus Besar (Pencegahan dan Penguatkuasaan), di Sarawak Timber Industry Development Corporation.

Sepanjang penglibatan beliau sebagai pegawai kerajaan negeri Sarawak, Hinri juga telah menerima pingat sebagai pengiktirafan jasa beliau dan antaranya ialah Darjah Cemerlang Bintang Kenyalang (PBK), Pingat Pentadbiran Awam (PPB) dan Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT).





ALUMNI



The background features a dark, repeating pattern of stylized floral or scrollwork motifs. Overlaid on this are several large, three-dimensional gold geometric shapes, including triangles and diamonds, which appear to be floating or layered. The text is centered in a gold, serif font.

ALUMNI
1983-1992



DATU
HAJI ABANG MOHD SHIBLI
BIN HAJI ABANG MOHD NAILIE

*“Terima kasih ITM kerana telah memberi landasan
untuk kami terus maju ke hadapan”*



Ikon Alumni Datu Haji Abang Mohd Shibli bin Haji Abang Mohd Nailie dilahirkan pada 9 Jun 1962. Pengurus Besar bagi Tabung Baitulmal Sarawak ini memulakan pengajian tinggi beliau sebagai salah seorang pelajar program diploma di Institut Teknologi MARA (ITM), Kampus Batu Lintang, Kuching pada Julai 1980.

Graduan ITM bagi tahun 1983 ini tidak lekang ingatannya akan kenangan-kenangan manis yang terpahat di sanubari sepanjang pengalaman bergelar pelajar. Suasana belajar yang dirasakan berbeza dibanding alam persekolahan seperti semester yang pendek serta bebas berpakaian dirasakan mudah dan menyenangkan bagi beliau. Di universiti juga, Datu Haji Abang Mohd Shibli bergiat aktif dalam bidang muzik dan aktiviti-aktiviti lain bersama rakan-rakan beliau.



Disentuh memori berkasih dengan isteri beliau, ITM jugalah yang menjadi lokasi pertemuan di antara keduanya di mana isteri beliau juga merupakan pelajar di universiti yang sama ketika itu. Alhamdulillah, kehadiran tiga orang cahaya mata dan seorang cucu dalam hidup pasangan ini menjadi penyambung kasih sayang keluarga mereka.

Menyoroti kehidupan beliau di universiti, Datu Haji Abang Mohd Shibli sering bergantung harap pada makanan dan minuman percuma yang disediakan oleh ITM memandangkan keadaan kewangan beliau pada ketika itu yang terhad. Sindiran “penumpang” yang dilabelkan orang pada pelajar ITM (ketika itu bangunan ITM masih menumpang di bangunan Maktab Perguruan Batu Lintang) juga menghiris hati, ditambah pula kelengkapan dan kemudahan fasiliti di ITM Cawangan Sarawak yang dirasakannya tidak mencukupi dibanding kemudahan tersedia di ITM Shah Alam.



Sumbangan berterusan beliau dalam membantu agama dan bangsa lahir dari rasa kesyukuran kepada hadrat Illahi yang memberi ruang dan peluang yang luas melalui kemasukannya ke ITM. Beliau tidak pernah melupakan jasa para pensyarah yang sentiasa menjadi sebahagian pendorong bagi mencapai kejayaan berterusan sehingga ke hari ini.



Antara penglibatan Datu Haji Abang Mohd Shibli sehingga kini adalah beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah naungan Majlis Islam Sarawak (MIS) seperti Jawatankuasa Dan Panel Penasihat peringkat MIS, Superintending Officer atau pegawai yang bertanggungjawab bagi projek-projek pembangunan di bawah naungan MIS. Beliau turut aktif dalam beberapa pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan seperti HIKMAH (NGO Islam terbesar di Sarawak) dengan menjawat jawatan sebagai Bendahari, Setiausaha Agung dan terkini sebagai Timbalan Yang Dipertua. Penglibatan beliau dalam peringkat korporat seperti Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa buah syarikat korporat juga turut terserlah. Beliau turut menjadi Pengerusi Koperasi Al-Bait Sarawak Berhad dan Pengerusi Yayasan Kepimpinan Albait serta diberi kepercayaan untuk menjadi Pemegang Amanah dalam beberapa Yayasan lain.

Atas sumbangan beliau kepada Negeri Sarawak dan Malaysia amnya, beliau telah mendapat beberapa darjah kebesaran, pingat dan kurniaan seperti Darjah Jasa Bakti Sarawak (D.J.B.S) oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dengan gelaran "DATU" pada tahun 2012. Sempena Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 1440H/2018, beliau telah menerima Anugerah Ma'al Hijrah bagi Kategori Anugerah Kepimpinan Organisasi Agensi Islam. Pada tahun 2022, beliau juga mendapat pentauliahkan Mejar Kehormat Askar Wataniah oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.



ENCIK
ABDUL MALEK
BIN ABDULLAH

“Orang yang berjaya dalam hidup adalah orang yang nampak tujuannya dengan jelas dan menjurus kepadanya tanpa menyimpang”



Abdul Malek dilahirkan pada 22 November 1962 merupakan antara graduan Diploma Perbankan yang mendapat pendidikan diploma bermula pada tahun 1982 di Kampus ITM Cawangan Batu Lintang, Kuching dan tamat pada 1984 di ITM Shah Alam. Bapa kepada 3 orang anak ini pernah menjawat jawatan tertinggi sebagai Pengarah Wilayah Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak), Bank Islam Malaysia Berhad. Beliau bersara pada penghujung tahun 2022. Menurut beliau, kenangan yang paling manis semasa pengajian beliau di Kampus ITM Cawangan Batu Lintang, Kuching adalah semasa minggu suai kenal siswa.

Sebagai alumni yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam sektor swasta terutamanya dalam perbankan, beliau menasihati semua graduan-graduan yang baru menceburi mana-mana bidang pekerjaan supaya bekerja dengan tekun, amanah dan tidak mudah berputus asa. Beliau percaya dengan berkat usaha dan keyakinan yang tinggi, insyaallah kejayaan itu pasti akan dicapai.



YANG BERBAHAGIA DATO' SRI
HAJAH NANCY BINTI
HAJI SHUKRI

"You craft your own destiny"



Dato' Sri Hajah Nancy Haji Shukri, anak kelahiran dari Kuching Sarawak, tanggal 5 Ogos 1961. Merupakan anak ke sepuluh dari sebelas orang adik-beradik. Berumah tangga dengan Kamil Misuari tanggal 29 September 1985. Mereka dikurniakan 3 orang anak; Faeroz Kamil, Farouk Kamil dan Bibi Freka Kamil. Mendapat pendidikan sekolah rendah di Padungan Council School, di ikuti pula dengan sekolah menengah di SMK Green Road, sebelum ke Institut Teknologi MARA. Selepas bekerja selama 2 tahun, Hajah Nancy menyambung pelajaran dalam jurusan Undang-Undang ke University of Hull, England dari 1987-1990. Sambil bekerja sebagai Pegawai Tadbir Bahagian Undang-Undang di Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) untuk selama 11 tahun 6 bulan, beliau melanjutkan pelajaran secara jarak jauh dalam jurusan Executive Masters in Business Administration di UITM-Ohio University. Dengan keputusan cemerlang, beliau mendapat penganugerahan Beta Gama Sigma pada Tahun 1997.

Sesuai dengan prinsip beliau "A humble beginning will bring great success to us", Dato' Sri Hajah Nancy juga merupakan seorang yang berminat bekerja membantu masyarakat, serta berkecimpung dalam kerja-kerja sukarelawan terutamanya dari peringkat akar umbi. Menjadi ahli seumur hidup dalam Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak semenjak Tahun 1996 sehingga kini. Sepanjang beliau menjadi ahli PPWS, beliau sudah dipilih sebagai pengerusi sebanyak dua kali (2002-2005) dan (2009-2012). Beliau juga terlibat dalam beberapa NGO yang lain di dalam dan juga luar negara.



Pada Tahun 2007, Dato' Sri Hajah Nancy dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, sebelum dipilih menjadi calon Kawasan Parlimen Batang Sadong pada Pilihanraya Umum yang ke-12 pada Tahun 2008. Pada Tahun 2013, Hajah Nancy sekali lagi dicalonkan mewakili kawasan Parlimen Batang Sadong dan menang dengan majoriti 11,260 daripada 13,277 undi.

Semasa menjadi Ahli Parlimen P.200 Batang Sadong pada penggal pertama, beliau telah berjaya membawa salah satu projek infrastruktur terbesar di Sarawak, Malaysia iaitu Jambatan Batang Sadong. Jambatan ini mempunyai panjang kira-kira 1.48 kilometer, menjadikannya salah satu jambatan terpanjang yang merentasi Sungai. Sehingga kini, Jambatan Batang Sadong telah banyak memberi manfaat ekonomi kepada penduduk setempat dengan memendekkan masa perjalanan, mengurangkan kos pengangkutan, dan meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan dan perkhidmatan asas.

Pada 16 Mei 2013, Dato' Sri Hajah Nancy dilantik menyertai Kabinet Persekutuan Malaysia sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjaga 16 agensi, terutama sekali agensi-agensis berkaitan dengan perundangan dan kehakiman.



Berkuatkuasa 28 Jun 2016, Dato' Sri Hajah Nancy kemudian bertukar portfolio sebagai menteri yang bertanggungjawab menyelia 6 agensi seperti Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia, Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah serta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selaras dengan penyusunan semula tugas Menteri-Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Komitmen dan dedikasi beliau sepanjang berkhidmat kepada rakyat di peringkat Kabinet Persekutuan dari 2013 hingga 2018 menjadikan beliau antara Ahli Parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang dipilih untuk menyertai Kabinet Persekutuan di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Haji Yassin pada Mac 2020. Dato' Sri Hajah Nancy diberi kepercayaan memegang portfolio sebagai Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan mengangkat sumpah pada 10 Mac 2020. Pada Ogos tahun 2021 hingga 2022, beliau telah dilantik semula sebagai Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dibawah pentadbiran YAB Perdana Menteri ke-9, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan telah mengangkat sumpah pada 27 Ogos 2021.

Sepanjang memegang jawatan sebagai Menteri MOTAC, antara sumbangan besar beliau adalah menerajui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pelancongan Negara Malaysia 2020-2030, pelan strategik 10 tahun untuk memperkukuh industri pelancongan dan ekonomi Malaysia melangkaui wabak serta memperkasakan semua pemegang taruh pada setiap peringkat. Beliau juga telah menerajui Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN 2021) yang akan menjadi panduan dalam merancang pembangunan sektor seni, budaya dan warisan negara, berdasarkan 7 prinsip teras.





Pada pilihan raya umum Malaysia ke-15 yang diadakan pada November 2022, beliau telah berpindah ke Parlimen Santubong sebagai calon Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan menang di kawasan Parlimen Santubong dengan majoriti 38,681 daripada 43,739 undi.

Pada 10 Disember 2022, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Pelantikan ini adalah sebahagian daripada kabinet Persekutuan baharu yang dibentuk oleh Perdana Menteri ke-10, YAB Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim.

Sehingga kini, Dato' Sri Hajah Nancy memegang jawatan sebagai Naib Ketua Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak, (PBB) dan Ketua Cawangan PBB Batu Kitang.



ENCIK
HALIM BIN BOWENG

“Buktikan bahawa graduan UiTM adalah produk yang berdaya saing masa kini dan selamanya”



Menerajui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai Pengarah Wilayah, Halim Bin Boweng bukanlah satu nama yang asing lagi. Beliau telah mendapat pendidikan di UiTM Sarawak dalam bidang perakaunan, bergraduat pada tahun 1986 (Diploma) dan 1994 (Sarjana Muda). Pada tahun 1997, beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat Executive Masters dalam bidang pentadbiran dan perniagaan di UiTM.

Halim Boweng menzahirkan rasa bersyukur dan setinggi-tinggi terima kasih kepada UiTM kerana telah menyediakan platform untuk warga bumiputera untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat diploma hingga peringkat yang paling tinggi dengan kos pengajian yang murah berbanding dengan universiti lain. Beliau juga berpesan supaya menggunakan ilmu yang diperolehi apabila menjejak langkah ke alam pekerjaan ataupun perniagaan.



PROFESOR DR.
ABANG ZAINOREN BIN
ABANG ABDURAHMAN

"The best institution in transforming people"



Abang Zainoren bin Abang Abdurahman dilihat mempunyai karakter yang tegas. Pengiktirafan dunia kesarjanaan dan akademik yang membawa gelaran hormat Profesor Dr. Abang Zainoren bin Abang Abdurahman tidak pernah menjadikan beliau janggal dalam bersosial, baik dalam bermasyarakat di kejiranan mahupun di dalam dunia kepimpinan akademik. Insan yang dilahirkan pada 1hb November 1963 ini merendah hati apabila dijuluki sebagai antara alumni Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Sarawak (UiTMCS) yang berjaya dalam kepimpinan akademik di universiti. Anak kelahiran Wilayah Sarawak ini sentiasa positif dalam mengamati kehidupan mencabar pada masa kini.



Penyandang mantan jawatan Timbalan Rektor (TREK) di Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), UiTMCS ini sentiasa berpegang kepada prinsip “The Best Institution in Transforming People”. Prinsip ini memastikan rasa cinta beliau kepada UiTMCS adalah malar segar dalam tekad menyumbang bakti kepada anak bangsa.



Beliau yang juga penerima pelbagai anugerah antaranya Best Entrepreneurship Mentor (Academia) Award, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UiTM bagi tahun 2015, 2017 dan 2021 serta sejumlah Anugerah Pengurusan Kualiti UiTMCS yang merangkumi kategori Penyelidikan Terbaik, Projek Konsultan Paling Aktif, serta Penjanaan Pendapatan Terbaik amat merendah hati menerima Darjah Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak - Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K.) yang dianugerahkan kepada beliau pada tahun 2020. Meniti hari-hari persaraan pada akhir tahun 2023 yang lalu, beliau terlihat bahagia apabila menjadi Penerima Anugerah Khas bagi Penyelidik Terbaik (Sains Sosial & Kemanusiaan), Anugerah Akademik Universiti (AAU) bagi tahun 2022.



Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

**PROFESOR DR. ABANG ZAINOREN ABANG
ABDURAHMAN**

TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN & JARINGAN INDUSTRI (PJI)

atas kenaikan pangkat ke jawatan

PROFESOR GRED KHAS C (VK7)

dalam bidang Pemasaran

berkuat kuasa pada mulai **17 Ogos 2022**


daripada

REKTOR DAN SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK



Terbitan: Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Sarawak

Unleashing Potentials
Shaping the Future



<https://sarawak.uitm.edu.my>

[uitmsarawak_official](#)

[Rektor UiTM Cawangan Sarawak](#)

[Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak](#)

“Semoga maju jaya dan sentiasa cemerlang dalam mengubah ‘zero’



ENCIK
WAN IDRIS
BIN WAN IBRAHIM

*"Kejayaan hanya datang dengan usaha
berterusan kita"*



Encik Wan Idris bin Wan Ibrahim iaitu Timbalan Presiden Persatuan Persatuan Alumni UiTM Sarawak - MITSA. Beliau dilahirkan pada 3 Oktober 1968. Berkelayakkan dalam Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak. Sebelum ini beliau merupakan bekas alumni ITM di Shah Alam.

Kenangan manis beliau adalah apabila berjumpa dengan rakan-rakan lama yang suatu ketika dulu mengambil jurusan yang sama. Beliau berpendapat bahawa UiTM telah banyak membantu dalam mencorak keperibadian profesionalisme diri seorang pelajar. Bagi beliau UiTM Cawangan Sarawak pula telah menyediakan tenaga pengajar serta pembelajaran yang kondusif serta suasana yang sesuai untuk pembangunan ilmu.

Mempunyai syarikat yang dinamakan Idris Ibrahim & Co sebagai Managing Partner beliau juga telah dilantik sebagai Rakan Kongsi Urusan bagi mengendalikan 11 cawangan operasi firma pengauditan sekitar tahun 2008 hingga 2012.

Mutiara kata daripada beliau ialah “kejayaan hanya datang dengan usaha berterusan kita”. Perancangan bagi kejayaan perlu bagi kita mencipta sejarah di setiap takuk masa yang kita lalui.





PUAN
DIANA TALIT

*"You are the master of your own destiny,
captain of your own fate."*



Diana Talit merupakan alumni ITM Sarawak yang berkelulusan Advance Diploma in Business Studies (Marketing), Shah Alam 1992-1993 dan pada tahun sebelumnya, beliau merupakan bekas pelajar Diploma in Business Studies di ITM Semariang 1987- 1989. Kehidupannya di ITM Kampus Samariang merupakan kenangan manis beliau kerana beliau berpeluang untuk berkenalan dan belajar bersama rakan-rakan dari pelbagai kaum dan latar belakang dan sehingga kini, ada yang masih menjadi rakan rapat dan sejati.



Pengalaman menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Perdagangan di Paris, bagi tahun 2009 sehingga 2014, Pesuruhjaya Perdagangan di New York dari tahun 2018 sehingga September 2022 serta Pesuruhjaya Perdagangan di London, bermula Oktober 2022 sehingga Disember 2023 di Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) telah menjadikan beliau sebagai salah seorang alumni ITM Sarawak yang berjaya dalam kerjayanya. Oleh itu, beliau tidak pernah melupakan UiTM, malah beliau sanga – Disember t berterima kasih kepada UiTM Sarawak dan semua warga pendidiknya di atas tunjuk ajar dan ilmu yang telah dicurahkan sehingga menjadikan beliau insan yang berjaya seperti hari ini.





PUAN
KARTINI BINTI SARKAWI

*"Don't you ever let a soul in the world tell you that
you can't be exactly who you are"*



Pengasas dan Pengarah urusan Sixteen Twentynine Sdn Bhd, Puan Kartini Sarkawi merupakan antara alumni usahawan graduan ITM Sarawak, Kampus Samariang, Kuching. Lulusan bidang Diploma Pengajian Perniagaan telah bergraduan dalam tahun 1992 kini hampir 10 Tahun telah aktif menceburi bidang perniagaan pemprosesan makanan sepenuh masa. Puan Kartini juga pernah memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Dan Pegawai Atasan di dalam Syarikat O&G.

Pengalaman yang tidak pernah dilupakan semasa pengajiannya ialah dia antara kohort yang pertama berpindah ke Kampus Samariang, Petra Jaya daripada Kampus Semenggok (*Pra-perdagangan*). Dia juga bergiat aktif dalam aktiviti Kesatria, keenakan makanan di kantin masih tetap menjadi ingatan. Baginya tidak ada kenangan pahit semasa pengajiannya di ITM. Malah beliau amat menghargai setiap detik berharga yang dilalui sebagai seorang pelajar.





ENCIK
THOMAS ANAK PAUL BILUN

"ITMCS sentiasa dalam ingatan"



Thomas anak Paul Bilun tidak pernah menjangka pengajian beliau ke Institut Teknologi MARA Cawangan Sarawak (ITMCS) membentuk arah tuju kerjaya beliau hingga ke hari ini. Timbalan Pengarah Audit Negeri Sarawak di Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak ini merupakan seorang individu yang teliti dan sangat menjaga profesionalisme kerja bagi menjamin kualiti audit yang telus.



Anak kepada Paul Bilun yang dilahirkan pada 12hb Ogos 1970 ini melayakkan diri menyambung pengajian diploma di ITM dalam bidang perakaunan di School of Accountancy, seterusnya bergraduat dengan jayanya pada tahun 1992. Pengalaman sebagai seorang pelajar di Kampus Semariang, Petra Jaya dizahirkan melalui kenangan manis semasa Minggu Sesi Suai Kenal dan juga aktiviti kokurikulum unit KESATRIA.



Menelusuri kehidupan peribadinya, Thomas merupakan seorang ayah kepada tiga orang cahaya mata dan mempunyai seorang isteri yang sentiasa menjadi teman dan penyejuk hati beliau. Pendidikan adalah merupakan suatu kepentingan pada diri Thomas dan ini yang selalu diterapkan dalam mendidik anak-anak beliau. Ingatan pada pendidik ITM tidak pernah beliau lupakan dalam membimbing beliau dan rakan-rakan, hanya titipan terima kasih buat para pensyarah yang mampu beliau zahirkan.



The background features a dark, intricate pattern of repeating floral or geometric motifs. Overlaid on this are several large, stylized gold geometric shapes, including triangles and diamonds, some of which are partially cut off by the edges of the frame. The text is centered in a gold, serif font.

ALUMNI
1993-2002

DATU DR.
RASHIDAH BINTI BOLHASSAN

"Education for Lifelong Learning!"





Rashidah binti Bolhassan merupakan sosok individu yang sangat bersemangat dan berketerampilan dalam kerjaya beliau. Dikenali umum sebagai Datu Dr. Rashidah, beliau dilahirkan di Sarawak pada tanggal 29 April 1961. Beliau merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Perpustakaan dan Maklumat di UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya Selangor dari tahun 1981 sehingga 1984. Bidang pengajian terakhir beliau adalah Executive Master of Business Administration (Ohio University – ITM) dan bergraduat pada tahun 1997.

Rashidah kini merupakan seorang Pegawai Tadbir Khas yang menggalas tugas utama selaku Penasihat Warisan di Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Sarawak. Berkongsi sejarah latar belakangnya yang merupakan seorang Pustakawan, beliau pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pustaka Negeri Sarawak selama 17 tahun bermula dari tahun 2003 sehingga tahun 2020.





Beliau berbesar hati berkongsi ilmu dan kepakaran sebagai Penasihat di Institut Kajian Borneo, UNIMAS dan juga sebagai Ahli Majlis Pembangunan Wanita dan Negara. Rashidah juga memenuhi tawaran lantikan sebagai Profesor Adjung di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), UNIMAS sebagai usaha sumbangan perkongsian kepakaran dan pengalaman luas beliau kepada bidang akademik.





Penerima Darjah Jasa Bakti Sarawak (DJBS) 2021 ini berharap agar UiTM akan terus menjadi wadah perjuangan anak bangsa dalam menyediakan laluan bagi anak-anak jati yang tidak berpeluang menyambung pengajian, khususnya ke peringkat pengajian tinggi untuk beroleh peluang yang sama seperti beliau dalam meniti perjalanan pencarian ilmu. Besar harapan beliau agar universiti ini akan senantiasa peka akan perubahan ilmu sejagat sebagai usaha memartabatkan komuniti setempat sejajar anjakan global.



DATO' SRI
ROHANI BINTI
ABDUL KARIM

"Semoga UiTM terus gemilang dalam melahirkan insan yang cemerlang yang akan mengangkat martabat bangsa, agama, negeri dan negara tercinta"

YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim merupakan anak jati Sri Aman, Sarawak yang dilahirkan pada 3 Januari 1955. Beliau merupakan Graduan Executive Masters of Business Administration pada tahun 1998 di UiTM dan Ohio University, USA dengan penganugerahan Beta Gamma Sigma.

Beliau mendapat pendidikan awal di SK Abang Ali dan Methodist Secondary School di Sibu sebelum meneruskan pengajian Bachelor of Science Perniagaan Tani di Universiti Pertanian Malaysia (UPM).





YBhg. Dato Sri mempunyai keperbadian yang menarik dan mudah didekati masyarakat. Sifat kepimpinan dan kesungguhan untuk berkhidmat kepada masyarakat sudah menjadi jati diri sejak sebelum berkecimpung dalam bidang politik. Sebelum menceburi bidang politik, beliau telah mengasaskan dan dilantik sebagai Pengarah pertama Biro Wanita Sarawak pada tahun 1988. Bermula sebagai wanita Sarawak pertama mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat menerusi pilihanraya pada tahun 1990, beliau seterusnya sekali lagi sebagai wanita Sarawak pertama dilantik dalam kabinet Kerajaan Persekutuan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian

Pembangunan Luar Bandar Malaysia dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Seterusnya, beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia dari tahun 1999 hingga 2013. Beliau merupakan wanita Sarawak pertama yang mengetuai portfolio penuh Kementerian di peringkat Persekutuan, sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat pada tahun 2013. YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim jugak merupakan antara ahli parlimen wanita yang paling lama berkhidmat iaitu selama 32 tahun dari 1990-2022.



Beliau mengharumkan nama negara apabila menjadi warga Malaysia pertama dipilih sebagai Presiden "The Management of Social Transformation Programme (MOST), salah satu badan dibawah UNESCO, beribu pejabat di Paris, Perancis selama 2 penggal bermula 2015 dan turut menerima Anugerah "Government Leadership Award" di Global Summit for Women 2015 di Sao Paulo, Brazil.

YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim kini merupakan Timbalan Ketua Wanita II Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak dari tahun 2018 serta berperanan sebagai Penasihat di Pejabat Premier Sarawak dan Pengerusi Sri Aman Development Agency (SADA). Beliau turut bergerak aktif di dalam agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang merupakan Penasihat kepada Persatuan Promosi SDG serta memegang tanggungjawab Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Pengerusi Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).



ENCIK
NORIZAN BIN JILI

*“Agi idup agi ngelaban. Be positive, stay positive
and those around you will be positive”*



Beliau dilahirkan pada 16 September 1975 dan dikurniakan tiga orang cahaya mata. Beliau pernah menerima anugerah Darjah Yang Amat Mulia Bintang Sarawak – Pegawai Bintang Sarawak (PBS) pada 16 Disember 2021. Kini, beliau memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sarawak.

Norizan bin Jili merupakan seorang alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak melalui Program Diploma Pentadbiran Awam bertempat di Kampus Semariang, Kuching pada tahun 1996. Manakala beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dari UiTM Shah Alam pada tahun 2000. Antara kenangan yang tidak dapat dilupakan semasa pengajian bersama rakan-rakan seperjuangan di UiTM adalah menyediakan tugas sebelum tarikh akhir.





DR.
MALVERN ABDULLAH

“Jika kita letakkan sepenuh hati dan usaha terhadap sesuatu, kejayaan pasti menanti”

Dr. Malvern Abdullah dilahirkan pada 17 Mei 1975. Pada tahun 2011, beliau berjaya menamatkan pengajian dan menggenggam ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Perniagaan. Itulah kenangan paling manis dalam hidupnya dalam bidang akademik. Beliau kini merupakan seorang pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak. Beliau juga percaya setiap kejayaan pasti diiringi dengan semangat dan keringat. Beliau juga bergiat aktif dalam bidang sukan bina badan sejak tahun 2003. Menyorot kisah insan hebat ini, beliau telah menduduki tempat pertama dalam pertandingan bina badan Mr. Borneo pada tahun 2008 dan 2011. Selain itu, beliau turut mengukir kecemerlangan dalam beberapa pertandingan sukan bina badan seperti Mr. Iron Hardcore (tahun 2014), Mr. Gym 1M Kebangsaan (tahun 2018), Mr. Kuching Championship (tahun 2005-2015) dan Mr. Sarawak Body-building Championships (tahun 2011-2013). Lebih membanggakan apabila beliau dinobatkan sebagai Juara Asia Sukan Bina Badan dan menjulang gelaran Mr. Asia 2017. Selain itu, beliau berjaya menjadi Juara Dunia Sukan Bina Badan dengan gelaran Mr. World 2022.





Kejayaan gemilang beliau adalah pada tahun 2022 di Sukan SEA di Hanoi, Vietnam, di mana atlet kebanggaan Sarawak ini telah memperoleh pingat gangsa dalam kategori Mens Bodybuilding 65kg dan Mixed Pair Open. Pencapaian beliau dalam bidang sukan bina badan tidak terhenti di situ, di mana beliau terus mengharumkan nama negara dalam Asian Championships (Asian Bodybuilding and Physique Sports Federation (ABPF)). Selain itu, dalam tahun yang sama, beliau telah mengatur langkah untuk bertanding di peringkat antarabangsa iaitu World Championships (World Bodybuilding and Physique Sports Federation (WBPF)). Keseluruhannya, beliau telah mencapai banyak kejayaan di persada antarabangsa dengan memenangi 1 emas, 4 perak dan 1 gangsa di Kejohanan Dunia di samping menggenggam 1 emas dan 4 perak di Kejohanan Asia serta 2 gangsa di Sukan SEA. Beliau turut mencatatkan rekod terbaik di peringkat kebangsaan apabila dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dan Mr. Malaysia sebanyak 2 kali. Di peringkat negeri pula, beliau telah menjuarai sebanyak 9 kali dalam pertandingan Mr. Kuching dan Mr. Sarawak. Kemenangan-kemenangan ini membuktikan bahawa usaha dan komitmen yang padu pasti akan membuahkan kejayaan.

**WORLD BODYBUILDING AND PHYSIQUE
SPORTS CHAMPIONSHIP 2021**
TASHKENT, UZBEKISTAN | 01-07 OCTOBER 2021

DR. MALVERN ABUJILAH

i. 60kg - Si

CONGRATULATION





ALUMNI

The background features a dark blue field with a repeating pattern of gold-colored geometric shapes, including triangles and diamonds. The text is centered in a gold, serif font.

ALUMNI
2003-2023



TUAN HAJI
MOHD SAPAWI
BIN HAJI JAMAIN

*"Perjuangan itu bukannya mudah, namun
jika menyerah, padah rasanya"*



Haji Mohd Sapawi Bin Haji Jamain dilahirkan pada 26 September 1957. Ikon Alumni ini dianugerahkan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPB) pada tahun 2003 di Kampus UITMCS.

Di antara kenangan manis beliau ialah apabila berjaya menamatkan pengajian di peringkat diploma hingga ke peringkat ijazah sarjana di sepanjang sembilan tahun setengah tahun pengajian. Namun yang demikian, cabaran yang beliau tempuhi tidak pernah mematahkan semangat beliau untuk menamatkan pengajian dengan jayanya.



Memulakan kerjaya sebagai Pegawai eksekutif di UiTM Cawangan Sarawak bertempat di Hal Ehwal Pelajar (HEP), beliau seterusnya mengorak langkah untuk portfolio Pensyarah Kanan sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat sarjana. Beliau juga pernah menerima anugerah Ahli Bintang Kenyalang (ABK) dari Kerajaan Negeri Sarawak dan Anugerah Khidmat Cemerlang dari UiTM Cawangan Sarawak. Beliau tetap mengenang jasa UiTM dan sentiasa ingat peranan UiTM sebagai institusi yang memartabatkan bangsa dan agama.



“Terima kasih UiTMCS, jasmu tetap dikenang. Perananmu, langkah memartabatkan bangsa dan agama”.



DATO SRI DR.
MUHAMMAD ABDULLAH
BIN HAJI ZAIDEL

*“If the mountain won’t go to Muhammad, then
Muhammad must come to the mountain”*

PENGENALAN




Muhammad Abdullah bin Hj Zaidel dilahirkan pada 2 Januari 1969. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan 4 cahaya mata (3 lelaki, 1 perempuan).

Beliau merupakan graduan jurusan Kewangan dan Pentadbiran Perniagaan daripada Institut Teknologi MARA (sekarang dikenali sebagai UiTM).

Sejurus itu, beliau menyambung pelajaran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) hingga mendapat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Kewangan dan juga Pendidikan Eksekutif dari Harvard Business School.

PENDIDIKAN





1994-2004

Institut Teknologi MARA -> Universiti Teknologi MARA





KERJAYA

Beliau berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Perancangan Ekonomi dan Pembangunan) sejak tahun 2022 hingga sekarang.

Sebelum itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi Sarawak dan Pegawai Tadbir Khas kepada YAB Premier Sarawak fokus kepada Strategi dan Penyelerasan Projek.

ANUGERAH

Atas jasa yang telah dicurahkan, beliau telah dianugerahkan beberapa anugerah darjah kebesaran antaranya yang terbaru Darjah Panglima Negara Bintang Sarawak yang membawa Gelaran Dato Sri (2024) dan yang terdahulu:-



2023



Pingat Peringatan Bakti Jubli Intan Perak

2021



Darjah Jasa Bakti Sarawak yang membawa gelaran "Datu"

2019



Pegawai Bintang Sarawak

2011



Ahli Bintang Kenyalang





ENCIK
CHRISTOPHER DANAN
ANAK BINJIE

*“Seseorang yang tidak pernah melakukan kesilapan
adalah seseorang yang tidak pernah mencuba
sesuatu yang baru”*



Christopher Danan Anak Binjie dilahirkan pada 9 Oktober 1968 di Sarawak. Beliau sudah berkahwin dan kini mempunyai 3 orang cahaya mata. Beliau telah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Perakaunan pada tahun 2007. Sepanjang tempoh pengajian, beliau akui banyak kenangan indah telah dilakar di kanvas memorinya. Beliau menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UiTMCS kerana telah berjaya melahirkan ramai graduan hebat, khususnya dalam kalangan bumiputera.







Beliau kini menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Akauntan Negeri di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah dianugerahi Pingat Perkhidmatan Bakti (PPB) 2011. Selain itu, beliau juga mendapat pengiktirafan sebagai Pegawai Contoh Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam Negeri 2018. Turut membanggakan, beliau juga dianugerahi Pingat Bintang Kenyalang (PBK) 2022.



IR. TS. DR.
CASSIDY ANAK MORRIS

*“Sentiasa tingkatkan kompetensi kerana tiada
kejayaan tanpa pengorbanan”*



Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris, seorang tokoh terkemuka dalam bidang kejuruteraan dan pentadbiran telah berkhidmat selama 25 tahun di bawah naungan Jabatan Kerja Raya Sarawak. Beliau kini memegang jawatan yang beliau menerajui perancangan dan pelaksanaan projek-projek utama di negeri Sarawak.

Dari awal langkahnya ke alam universiti, beliau meniti perjalanan di Matrikulasi UKM pada tahun 1994. Semangat beliau dalam dunia kejuruteraan membawanya meraih Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Struktur dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1997. Beliau meneruskan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan berjaya memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan pada tahun 2007. Sepanjang perkhidmatannya, beliau terus mencari ilmu yang lebih mendalam, sehingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran Pentadbiran Perniagaan dari UiTMCS pada tahun 2023.



Pengalaman kerjaya beliau dalam bidang kejuruteraan dan pentadbiran telah merentasi pelbagai peringkat dan kawasan di Sarawak. Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan pada tahun 1998, dan beliau diberikan amanah sebagai Jurutera Daerah Saratok pada tahun 2008. Setiap amanah yang diberikan dipenuhi dengan dedikasi, membawa beliau ke jawatan Jurutera Bahagian Sri Aman pada tahun 2011 selama enam tahun. Beliau dilantik sebagai Pengurus Pejabat Wilayah Tengah JKR Sarawak pada tahun 2017, dan seterusnya, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah (Infrastruktur) Gred VU7 JKR Sarawak pada 6 Julai, 2022.

Prestasi luar biasa beliau dalam kerjaya terbukti melalui penghargaan yang diterima, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah memulihkan beliau sebanyak tiga kali, pada tahun 2004, 2013, dan 2018. Pengiktirafan sebagai Asean Chartered Professional Engineer (ACPE) dan Teknologis Professional (Ts) pada tahun 2022 telah menjolok naik Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris dalam dunia kejuruteraan dan profesionalisme.



Beliau adalah teladan sejati yang membawa cahaya kejayaan kepada negara dan masyarakat Sarawak.



Ir. Ts. Dr. Cassidy Anak Morris membuktikan bahawa kecemerlangan dan ketekunan dalam mengejar ilmu tidak mengenal had. Perjalanannya dalam bidang kejuruteraan dan pentadbiran, diseriakan dengan dedikasinya sebagai alumni, memberikan impak yang besar dalam pembangunan infrastruktur Sarawak. Beliau adalah teladan sejati yang membawa cahaya kejayaan kepada negara dan masyarakat Sarawak.



PUAN
SITI FATIMAH BINTI ADNAN

*"Do what you are passionate about, insya-Allah you
will succeed"*



Siti Fatimah Adnan dilahirkan pada 6 September 1991. Beliau sudah berkahwin dan dikurniakan 4 orang cahaya mata. Pada tahun 2015, beliau berjaya menamatkan pengajian dan menggenggam ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Teknologi dan Pengurusan Perladangan. Sepanjang pengajiannya di UiTMCS, beliau banyak menimba pengalaman manis bersama warga UiTM terutamanya dalam mempelajari budaya baru.






KARNIVAL USAHAWAN DAN DIGITAL

PERLIS 2023

Dewan 2020, Kangar
Perlis
09:00 Pagi - 10:00 Malam

10-12

November 2023



ANUGERAH USAHAWAN BERJAYA PERLIS 2023
RM 1,000.00
 RINGGIT MALAYSIA: SERIBU SAHAJA


10-12 November 2023

MDEC PayNet TM


KARNIVAL USAHAWAN DAN DIGITAL

TOURISM.PERLIS.GOV.MY
 SUKPerlis SUKPerlisOfficial Canggung Digital
 tourismofperlisofficial





Kini, beliau merupakan Pengarah Urusan di PMA RICH (M) SDN BHD yang memegang jenama Mokti's. Sepanjang perjalanan kariernya, beliau telah mendapat pelbagai anugerah dan pengiktirafan antaranya ialah Anugerah Usahawan MARA 2021/2022- Anugerah Usahawan Muda, The BrandLaureate SMEs BESTBRANDS Award 2022, The BrandLaureate Bumiputera BESTBRANDS Award 2022, NONA Superwoman Award 2022 - NONA Best Halal Ice Cream Award, Outstanding Young Woman Entrepreneur Award 2022 dan Anugerah Usahawan Berjaya Perlis 2023.




The background features a dark, intricate pattern of swirling lines and floral motifs. Overlaid on this are several large, golden, three-dimensional geometric shapes, including triangles and diamonds, which appear to be floating or layered. The text is centered in a golden, serif font.

PENAMPILAN KHAS
ALUMNI


DATUK HAJI
ABDUL WAHAB BIN AZIZ

“Kecemerlangan individu bukan hanya diukur berdasarkan intelektual dan kemahiran malah ia perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni dan sikap yang baik”





Datuk Hj. Abdul Wahab bin Aziz merupakan seorang tokoh alumni UiTM yang terkemuka dalam bidang pendidikan dan pentadbiran di Malaysia. Anak jati Saratok yang dilahirkan pada 8hb Ogos 1947 ini merekodkan pencapaian kerjaya cemerlang sepanjang hidupnya seterusnya menempatkan diri beliau sebagai salah seorang individu yang menjadi pencetus inspirasi bagi generasi muda kini.



Pendidikan diyakini menjadi asas kepada kejayaan Datuk Hj. Abdul Wahab. Beliau menyambung langkah perjalanan mencari ilmu di menara gading dengan memasuki ITM melalui program Law (Intermediate) LL.B London (External) (1974-1975). Jurusan program ini telah memperkaya pengetahuan beliau dalam bidang undang-undang. Ilmu akademik beliau terus berkembang cemerlang dengan kejayaan menggenggam Postgraduate Diploma in Management Science (Distinction) dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (1979) dan Ijazah MSc Management dari Aston University, United Kingdom (1981).



Titik permulaan kerjaya beliau adalah pada tahun 1965 apabila beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir Negeri dan kemudian menjawat beberapa jawatan, antaranya ialah Naib Setiausaha dan Setiausaha di salah satu unit di Pejabat Ketua Menteri Sarawak (1973 – 1977). Beliau kemudian dilantik sebagai Pegawai Daerah pada tahun 1979 serta Setiausaha SPA Negeri Sarawak pada tahun berikutnya.

Beliau juga pernah menjawat jawatan Pengerusi bagi beberapa lembaga / jawatankuasa / perbadanan kerajaan negeri, antaranya ialah LPKP Sarawak, PAC DUN Sarawak serta SHDC (kini dikenali sebagai HDC) di mana beliau yang berpengalaman dan berkepakaran memainkan peranan penting dalam kepemimpinan organisasi. Mantan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri bagi N38 Kalaka, Sarawak (1991 – 2021) ini juga merupakan seorang individu yang aktif dalam politik dan jawatankuasa parti politik. Bermula sebagai EXCO Saberkas, Sarawak (1987 – 1990), sehinggalah menjadi Timbalan Menteri bagi Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak (2009 – 2010) dan Timbalan Menteri Tanah dan Kemajuan Luar Bandar Sarawak (2011-2016).



Atas kepercayaan berterusan terhadap beliau, Datuk Hj. Abdul Wahab dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Amanah Kebajikan Islam Saratok (LAKIS) bermula dari tahun 1991 serta pelantikan beliau sebagai ahli lembaga Pemegang Amanah bagi Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak bermula dari tahun 2020. Beliau juga menggalas tanggungjawab sebagai Naib Presiden bagi Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (1990 – 1995) dan Pengerusi DUBS Holding Sdn. Bhd. yang disandang beliau dari tahun 1990 sehingga kini. Mantan Naib Presiden salah satu parti politik di Sarawak ini memilih menyumbang bakti beliau di usia emas sebagai Pengerusi Sarawak Tourism Board (2016 – 2020), di mana pada tahun 2016 juga, beliau dilantik sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah Malaysia Airlines System.

Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-97



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

5 Ogos - 26 Ogos 2023

Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam



Alumni UiTM ini turut menerajui Persatuan Alumni UiTM Sarawak (MITSA) bermula dari tahun 1990 sehingga kini. Terkini, beliau menjawat lantikan sebagai Pro-Canselor UiTM bermula tahun 2023. Keikhlasan beliau dalam membantu anak bangsa dan negara dihargai dengan rezeki penganugerahan pelbagai pingat sebagai menghargai jasa beliau. Di antaranya ialah Pingat Perkhidmatan Bakti (P.P.B.), Pingat Peringatan Delima (P.P.D.), Darjah Yang Amat Mulia Bintang Sarawak - Johan Bintang Sarawak (J.B.S), Darjah Gemilang Bintang Kenyalang Sarawak Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (PGBK) serta Pingat Bakti Jubli Emas (P.BE.).

Datuk Hj. Abdul Wahab adalah contoh bagaimana tekad serta usaha gigih seorang anak watan dalam pendidikan dan kerjaya yang diceburi dengan tulus membuahkan kejayaan gemilang.

PROFESOR DATO' DR. HAJI
JAMIL BIN HAJI HAMALI

"3J - Jana Jimat Jariah"





Profesor Dato Dr. Jamil Hamali yang berkelulusan Diploma Pengajian Perniagaan merupakan alumni dari Institut Teknologi, MARA pada tahun 1984. Pada tahun 1986, beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (pengkhususan Pemasaran Industri) dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau memperoleh MBA dengan kepujian dari United States International University, San Diego, Amerika Syarikat pada tahun 1988.



Sebelum berlepas ke United Kingdom untuk pengajian di peringkat PhD, beliau adalah Timbalan Pengetua (Hal Ehwal Akademik) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sarawak. Profesor Dato Dr. telah menamatkan pengajian kedoktoran (PhD) di dalam bidang Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau Total Quality Management (TQM) dari Universiti Salford, Manchester dengan cemerlang iaitu menamatkan pengajian dalam jangka masa kurang dari tiga tahun.



Sebelum menyandang jawatan Rektor UiTM Cawangan Sarawak pada April 2005, beliau merupakan Dekan Fakulti Pengajian Perniagaan, UiTM Shah Alam 2002-Mac 2005. Professor Jamil memegang rekod sebagai Rektor yang paling lama berkhidmat di jawatan berkenaan di dalam sistem pentadbiran UiTM (18 tahun). Beliau juga pernah dilantik menjadi Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Pelajar) UiTM Sarawak sebelum kedua-dua jawatan di atas. Selain memegang jawatan pentadbiran, beliau terlibat aktif dalam mengendalikan pelbagai seminar, latihan dan konsultasi dengan pengkhususan dalam bidang TQM, pemasaran, perancangan strategik, motivasi, komunikasi, keusahawanan, kepimpinan, inovasi, rekacipta dan penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan.



Pada tahun 1995 dan 2004, Profesor Dato Dr. Jamil Hamali telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang) atas pencapaian dan sumbangan beliau. Beliau turut terlibat aktif dalam aktiviti di luar kampus seperti menjadi ahli lembaga pengarah Tabung Baitulmal Sarawak, ahli jawatankuasa teknikal halal negeri, ahli jawatankuasa utama halal Sarawak, ahli jawatankuasa penasihat Pusat Maklumat Islam Sarawak, dan ahli jawatankuasa biasiswa Ibnu Khaldun. Sejak beberapa penggal sehingga kini beliau adalah Presiden Persatuan Reka Cipta & Reka Bentuk Sarawak/Invention & Design Association Sarawak (IDEAS). Di peringkat antarabangsa, beliau mengekalkan jalinan strategik bersama High Performance Organization (HPO) Research Group daripada University of Salford, Manchester. Antara pencapaian terbilang antatabangsa Prof Dato Dr Jamil sebagai Rektor adalah keupayaan beliau membantu mendapatkan tujuh (7) projek penyelidikan dan konsultasi daripada ERASMUS iaitu badan pemberi dana penyelidikan dan konsultasi dari Kesatuan Eropah (European Union) dengan nilai terkumpul geran sebanyak EURO 5.3 juta (RM 25 juta).



Prof Dato Dr Jamil juga sering dijemput untuk membenteng ucapatama dan kertas kerja di peringkat antarabangsa dan setakat ini telah terlibat dengan 27 buah negara (Iran, Sweden, Australia, Estonia, England, China, Cambodia, Thailand, Indonesia, Bosnia, Brunei, Bhutan, Czech Republic, Nepal, New Zealand, Vietnam, South Korea, Japan, Myanmar, Singapore, Spain, India, Italy, Portugal, Holland, United Kingdom and Turkiye).

Tiga produk kebanggaan UiTM Sarawak adalah Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB), Borneo International Halal Showcase (BIHAS) dan Festival Tari IPT Borneo. Prof Jamil merupakan antara pengasas ketiga-tiga aktiviti ini. KAIB pada 2024 merupakan seri yang ke 15 tahun konferensi tersebut telah dilaksanakan berkerjasama dengan beberapa buah institusi pengajian tinggi di kepulauan Borneo.



UCAPAN SETINGGI-TINGGI

Tahniah

PROF. DATO DR JAMIL HAJI HAMALI
REKTOR UTM CAWANGAN SARAWAK

PENERIMA ANUGERAH MA'AL HIJRAH 1441H
ANUGERAH KEPIMPINAN ORGANISASI
PERINGKAT NEGERI SARAWAK



DARIPADA : PENGURUSAN EKSEKUTIF DAN SELURUH WARGA UTM CAWANGAN SARAWAK



<https://sarawak.utm.edu.my>
@utmsarawak_official

Rektor UTM Sarawak
Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA Sarawak

Di atas sumbangan dan pencapaian cemerlang Prof Dato Dr Jamil, beliau telah dikurniakan dengan beberapa anugerah dan pingat. Antaranya adalah Pegawai Bintang Kenyalang Award (2002), pingat Panglima Setia Bintang Sarawak (2011) yang membawa gelaran “Dato”, Anugerah Maal Hijrah Award (2016), Malaysia Productivity Champion (2017) oleh Malaysia Productivity Corporation, Anugerah Maal Hijrah Award (Kepimpinan Organisasi) pada 2019 berserta hadiah wang tunai RM10,000 dan pada 2023, kerajaan negeri Sarawak telah menganugerahkan beliau sempena perayaan Kemerdekaan Sarawak ke 60th pingat Jubli Intan (Perak).

TUAN HAJI
JAPRI BIN BUJANG MASLI

*“Terukan perjuangan membangun modal
insan cemerlang”*





Japri bin Bujang Masli dilahirkan pada tanggal 7 November 1967. Beliau merupakan alumni UiTM yang pernah menyambung pengajian Diploma Lulusan Ijazah Sains Perpustakaan di ITM Jalan Othman, Petaling Jaya. Beliau bergraduat pada tahun 1993 sebelum memulakan langkah kerjaya yang cemerlang di Sarawak. Bekas pensyarah yang paling beliau ingati adalah Almarhum Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad.





Menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pustaka Negeri Sarawak bermula November tahun 2022 memberikan cabaran dan semangat baharu buat Japri. Beliau mempunyai pandangan luas dan berimpian memberi perkhidmatan terbaik perputakaan khususnya dalam menyatukan rakyat Sarawak melalui fungsi perpustakaan sebagai hab sosial, maklumat dan ilmu.





Penerima Darjah Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak Pegawai Bintang Kenyalang (2021) ini memandang tinggi kepada UiTM sebagai sebuah institusi ilmu buat anak warga Sarawak, sementelah pula beliau sendiri berpengalaman menyumbang khidmat bakti sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan di ITM, Kampus Semariang pada tahun 1994. Japri berharap UiTM akan senantiasa menjadi hab ilmu dalam perjuangan membangun modal insan yang cemerlang bagi anak bangsa dan negara Malaysia.

GLOSARI

DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

A.B.K.	Ahli Bintang Kenyalang
D.J.B.S.	Darjah Jasa Bakti Sarawak
J.B.S.	Johan Bintang Sarawak
P.B.E.	Pingat Bakti Jubli Emas
P.B.K.	Pegawai Bintang Kenyalang
P.G.B.K.	Panglima Gemilang Bintang Kenyalang
P. N. B. S.	Panglima Negara Bintang Sarawak
P.P.B.	Pingat Perkhidmatan Bakti
P.P.D.	Pingat Peringatan Delima
P.P.T.	Pingat Perkhidmatan Terpuji
P.S.B.S.	Panglima Setia Bintang Sarawak

GLOSARI

SINGKATAN / AKRONIM

AAU	Anugerah Akademik Universiti
ABPF	Asian Bodybuilding and Physique Sports Federation
ACPE	Kelayakan Profesional: ASEAN Chartered Professional Engineer
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
DUBS	Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak
CEO	Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer
DAKEN	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
FPP	Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
FSGK	Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
SHDC	Sarawak Housing and Development Corporation
HDC	Housing Development Corporation
HEP	Hal Ehwal Pelajar
HPO	High Performance Organization
IDEAS	Invention and Design Association of Sarawak
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
ITM	Institut Teknologi MARA
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KASARA	Kesatuan Kaunseling Sarawak
LPKP	Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan
M.Sc.	Ijazah Sarjana Sains / Master of Science

GLOSARI

MASA Institut Pengurusan Sarawak / Institute of Management Sarawak
MATRADE Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia / Malaysia External Trade Development Corporation
MIS Majlis Islam Sarawak
MITSA Persatuan Alumni UiTM Sarawak
MOTAC Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya / Ministry of Tourism, Arts, and Culture
MQA Institut Pengurusan Malaysia / Malaysian Qualifications Agency
NGO Badan Bukan Kerajaan
PAC Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara / Public Account Committee
PBB Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PhD Ijazah Doktor Falsafah / Doctor of Philosophy
PJI Bahagian Penyelidikan dan Jaringan dan Industri
Pre - Comm Program: Pra-Diploma Perdagangan / Pre Diploma in Commerce
SAW Sallallahualaihiwasallam / Peace be upon him
SEA Asia Tenggara / Southeast Asia
SPA Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SWT Subhanahuwataala / The most glorified, the most high
TQM Pengurusan Kualiti Menyeluruh / Total Quality Management
Ts. Teknologis Profesional / Professional Technologist
UiTM Universiti Teknologi MARA
UiTMCS Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
UNIMAS Universiti Malaysia Sarawak
WBPF World Bodybuilding and Physique Sports Federation

GLOSARI

GLOSARI

Kesatria kokurikulum kesatria; unit kokurikulum pertama diwujudkan di ITM/ UiTM
Terasi belacan
Udik kampung/ desa/ dusun; kawasan (daerah) hulu sungai



BIODATA
PENULIS

*Terima kasih atas kepercayaan diberikan kepada para penulis bagi
merealisasikan penghasilan buku **ASPIRASI ALUMNI UiTM**
Cawangan Sarawak*

BIODATA PENULIS



PROFESOR MADYA DR.
JATI KASUMA BIN ALI

Prof. Madya Dr. Jati Kasuma Ali, merupakan pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTMCS. Lulusan PhD dalam bidang Pemasaran di Universite de Toulouse, Perancis. Beliau juga mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kajian Antarabangsa) dengan kepujian dari Universiti Malaysia Sarawak dan Ijazah Sarjana (Sains Pengurusan) di Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah bidang Keusahawanan, Gelagat Pengguna, Keusahawanan Sosial dan Pengurusan.

PUAN
SURIANI JACK

Suriani binti Jack adalah seorang pensyarah kanan di Kolej Komputer, Informatik dan Matematik, UiTMCS. Beliau juga berkhidmat sebagai Koordinator Jaringan Alumni di bawah pengurusan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Beliau merupakan alumni UiTM, memperolehi Ijazah Sarjana (Pengurusan Maklumat) di UiTM Shah Alam. Selain itu, beliau juga merupakan salah seorang graduan dari Universiti Islam Antarabangsa (Ijazah Sarjana Muda) di dalam Psychology. Beliau telah berkhidmat dengan UiTM sejak tahun 2001 sehingga kini.

DR.
AZLINA BUJANG

Dr. Azlina Bujang adalah seorang pensyarah kanan yang kini berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Komputer, Informatik dan Matematik, UiTMCS. Beliau juga berkhidmat sebagai Koordinator Jaringan Komuniti di bawah pengurusan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Beliau memperoleh gelaran Doktor Falsafah dari Universiti Malaysia Sabah. Selain itu, beliau juga merupakan salah seorang graduan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (ijazah sarjana) dan Universiti Utara Malaysia (ijazah Sarjana Muda).

PUAN
AIZA JOHARI

Aiza Johari, salah seorang pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa, UiTMCS memperolehi ijazah sarjana TESOL dari Universiti Teknologi MARA dan ijazah sarjana muda TESOL (Kepujian) dari University College of Chichester, United Kingdom dan Maktab Perguruan Ilmu Khas. Bidang kepakaran beliau adalah dalam bidang Bahasa Inggeris, yang berfokus kepada sosiolinguistik dan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

BIODATA PENULIS



PUAN
FARHANA
BINTI GHAZUDDIN

Farhana binti Ghazuddin merupakan seorang pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTMCS. Beliau telah mendapat pendidikan di pengajian peringkat sarjana muda dalam Bahasa Arab dan Kesusasteraan dan seterusnya di peringkat sarjana dalam Pengajian Linguistik Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kepakaran beliau ialah psikolinguistik dan pembangunan e-pembelajaran dalam Bahasa Arab.

PUAN
SHEELA FAIZURA
BINTI NIK FAUZI

Sheela Faizura Nik Fauzi memulakan perjalanan pendidikan di Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (TESL) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Pendidikan dari UiTM Shah Alam, Pencarian pengetahuan Sheela telah mendorongnya untuk melanjutkan pelajaran "Blended Diploma in Advanced Applied Linguistics" dari SEAMEO di Singapura.

DR. HJH
SAFRINA
MUHAMMAD AZMI

Dr. Hjh Safrina Muhammad Azmi merupakan seorang pensyarah kanan dari Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), UiTMCS. Lulusan PhD dalam bidang komunikasi visual di Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Kepakaran bidang beliau adalah seni reka komunikasi, penjenamaan, identiti korporat dan senireka pembungkusan.

PUAN
KHAULAH BINTI ABU BAKAR

Khaulah Abu Bakar merupakan seorang pensyarah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), UiTMCS. Berkelulusan akademik Ijazah Sarjana Pentadbiran Korporat dari UiTM dan kini bermasyarakat dalam kelompok ahli akademik sains sosial dan kemanusiaan justeru melorongkan minat penulis kepada diskusi melibatkan sains politik, diplomasi dan perhubungan antarabangsa.

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR), UiTM CAWANGAN SARAWAK
Puan Nur Afeqah Abdullah
Puan Dayang Azimah binti Abang Yusof

69

 **ASPIRASI**
ALUMNI UITM CAWANGAN SARAWAK
EDISI KHAS

e ISBN 978-967-0828-72-5



9 789670 828725